

Pengeluaran Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/ Mastercard oleh Bank Simpanan Nasional yang merangkumi pewaris dan penerima serah haknya ("BSN") kepada individu yang dinamakan pada Kad-i ("Pemegang Kad-i") dan penggunaan Kad-i hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut yang hendaklah mengikat Pemegang Kad-i dengan serta merta apabila permohonan Kad-i dan pengakuan penerimaan dan/atau penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i.

1. DEFINISI

- 1.1 Dalam Perjanjian ini di mana konteks yang menggunakan ungkapan berikut mempunyai maksud-maksud yang ditentukan melainkan dinyatakan sebaliknya:-
- (a) "Yuran Pengurusan Sebenar" bermaksud Yuran Pengurusan Sebenar yang dirujuk dalam Fasal 15 disini.
 - (b) "notis terlebih dahulu yang mencukupi" bermaksud tempoh notis tujuh (7) hari bekerja akan dianggap sebagai notis yang mencukupi kepada Pemegang Kad-i.
 - (c) "Perjanjian ini" bermaksud perjanjian antara Pemegang Kad-i dan BSN di mana Kad-i dikeluarkan kepada Pemegang Kad-i oleh BSN tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan termasuk juga terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam borang permohonan Kad-i yang ditandatangani dan diserahkan oleh Pemegang Kad-i kepada BSN apabila memohon pengeluaran Kad-i dan apa-apa terma dan syarat yang ditambah dan/atau dipinda dari semasa ke semasa.
 - (d) "ATM" bermaksud mesin teler automatik.
 - (e) "Rakan Niaga Yang Dibenarkan" bermaksud mana-mana peruncit atau mana-mana orang, firma atau perbadanan lain yang selaras dengan Perjanjian Rakan Niaga bersetuju menerima atau menyebabkan rangkaianya menerima Kad-i apabila dikemukakan dengan teratur.
 - (f) "matawang bil" bermaksud matawang bil dalam Ringgit Malaysia termasuk singkatannya "RM".
 - (g) "BSN" bermaksud Bank Simpanan Nasional badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974, yang mempunyai ibu pejabat di Wisma BSN, 117 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
 - (h) "hari kalender" bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalender Gregorian termasuk hujung minggu dan cuti umum.
 - (i) "Kad-i" bermaksud semua Kad-i Kredit BSN Al-Aiman Visa/MasterCard yang dikeluarkan oleh BSN kepada Pemegang Kad-i yang termasuk apa-apa nama lain, logo dan/atau tanda dagangan yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya dan termasuk Kad-i Tambahan di mana konteks membentarkan.
 - (j) Jenis-jenis Kad-i seperti di bawah:

KAD KREDIT CORE AL-AIMAN
KAD KREDIT BSN AL-AIMAN VISA/MASTERCARD KLASIK
KAD KREDIT BSN AL-AIMAN VISA/MASTERCARD EMAS
KAD KREDIT BSN AL-AIMAN VISA/MASTERCARD PLATINUM
KAD KREDIT BSN TEACHERS AL-AIMAN EMAS

KAD KREDIT CO-BRAND AL-AIMAN
KAD KREDIT BSN TEACHERS AL-AIMAN MASTERCARD EMAS
KAD KREDIT BSN-UUM AL-AIMAN MASTERCARD EMAS/ PLATINUM
KAD KREDIT BSN G-CARD AL-AIMAN VISA

- (k) "Akaun Kad-i" bermaksud akaun Kad Pemegang Kad-i yang diselenggarakan di BSN menurut Perjanjian ini.
- (l) "Nombor Akaun Kad-i" bermaksud nombor akaun yang telah ditentukan oleh BSN dan dicetak pada Kad-i.
- (m) "Pemegang Kad-i" bermaksud individu kepada siapa Kad-i dikeluarkan dan namanya dicetak pada Kad-i dan tandatangannya diturunkan di atasnya sebagai pengguna yang dibenarkan, dan turut termasuk "Pemegang Kad-i Tambahan", di mana konteks membenarkan dan hendaklah termasuk waris masing-masing, wakil peribadi dan pewaris hak milik.
- (n) "Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i" bermaksud akaun perbankan lain atau akaun-akaun lain kepunyaan Pemegang Kad-i dengan BSN selain Akaun Kad-i termasuk akaun bersama Pemegang Kad-i dengan pihak ketiga.
- (o) "Pembaca Tanpa Sentuh" bermaksud pembaca Kad-i yang selamat digunakan yang terletak di terminal POS di mana pembelian Visa payWave boleh dibuat.
- (p) "Transaksi Tanpa Sentuh" bermaksud transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan memegang Kad-i di hadapan Pembaca Tanpa Sentuh dan tanpa perlu memasukkan atau meleretkan Kad-i.
- (q) "Had Kemudahan" bermaksud had yang ditentukan dan/atau dibenarkan oleh BSN dari semasa ke semasa kepada Pemegang Kad-i di mana had boleh diubah oleh BSN dari semasa ke semasa dengan memberi notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Pemegang Kad-i sebelum tarikh kuatkuasa perubahan.
- (r) "Yuran Pengurusan Tetap" bermaksud Yuran Pengurusan Tetap yang dirujuk dalam Fasal 16 disini.
- (s) "barang dan perkhidmatan Halal" bermaksud barang dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah.
- (t) "Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan" bermaksud tempoh dari tarikh pengeposan Transaksi Runcit baru dicajkan ke Akaun Kad-i sehingga Tarikh Akhir Pembayaran dalam Penyata Akaun tertentu dan hanya terpakai untuk Transaksi Runcit yang baru seperti yang dinyatakan di atas.
- (u) "Ta'widh" bermaksud Ta'widh (caj gantirugi) yang dirujuk dalam Fasal 17 disini.
- (v) "Bank-bank Ahli" bermaksud bank-bank dan institusi kewangan yang menjadi ahli MasterCard Worldwide and Visa International di mana BSN adalah ahli.
- (w) "Baki Tertunggak" bermaksud amaun penuh yang tertunggak yang ditunjukkan di dalam Penyata yang dikenakan, didahulukan atau ditanggung hasil daripada penggunaan Kad-i.
- (x) "PIN" bermaksud nombor pengenalan peribadi kepunyaan Pemegang Kad-i atau Pemegang Kad-i Tambahan (jika ada);
- (y) "POS" bermaksud terminal tempat jualan yang membenarkan pendebitan Akaun Kad-i untuk transaksi pembelian di rangkaian Rakan Niaga Yang Dibenarkan.
- (z) "Yuran Penggantian Kad-i" bermaksud bayaran yang harus dibayar oleh Pemegang Kad-i untuk penggantian suatu Kad-i.
- (aa) Laman web BSN bermaksud www.bsn.com.my
- (bb) "Penyata" bermaksud Penyata berkala yang dikeluarkan oleh BSN dari semasa ke semasa kepada Pemegang Kad-i dan/atau Pemegang Kad-i Tambahan berkenaan dengan Akaun Kad-i yang menunjukkan transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad-i dan/atau Pemegang Kad-i Tambahan antara lain jumlah yang dikenakan, didahulukan

- atau ditanggung, jumlah minimum yang perlu dibayar dan Tarikh Akhir Pembayaran.
- (cc) "ujrah" bermaksud pembayaran yuran sebagai balasan kepada perkhidmatan yang disediakan dan juga manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan oleh BSN kepada Pemegang Kad-i.
 - (dd) "hari bekerja" bermaksud suatu hari Perniagaan (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) di mana BSN dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.
 - (ee) "Qard merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam."

2. TAFSIRAN

- 2.1 Perkataan yang membawa maksud tunggal merangkumi majmuk. Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina perempuan dan genus neutral.
- 2.2 Untuk pengiraan mana-mana tempoh masa atau apabila sesuatu perbuatan yang dikehendaki dilakukan dalam suatu tempoh masa yang ditentukan dari tarikh tertentu yang dinyatakan dalam tempoh tersebut, masa mula dikira dari tarikh yang dinyatakan.

3. PENGELUARAN KAD-i DAN PERKHIDMATAN YANG SEDIA ADA

- 3.1 Kad-i yang dikeluarkan oleh BSN kepada Pemegang Kad-i berdasarkan prinsip Syariah Ujrah merujuk kepada pembayaran upah perkhidmatan sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan dan Qard merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam. Perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan di bawah Perjanjian ini adalah ditentukan oleh BSN.
- 3.2 Pemegang Kad-i seterusnya bersetuju bahawa tempoh untuk Perkhidmatan (seperti yang dinyatakan di sini) di bawah Perjanjian ini hendaklah bagi suatu tempoh yang ditetapkan oleh BSN. BSN boleh memanjangkan tempoh tersebut dari tahun ke tahun atau bagi apa-apa tempoh lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh BSN. Sekiranya Perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh BSN, maka Perkhidmatan yang tersedia hendaklah diberhentikan pada tarikh luput yang dinyatakan dan mana-mana jumlah yang terhutang di bawah Perkhidmatan dan Perjanjian ini sehingga pada tarikh luput dan/atau penamatan Kad-i tersebut hendaklah dibayar secara penuh. Perkhidmatan ini juga tertakluk kepada semakan berkala oleh BSN dan mana-mana jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian ini hendaklah dibayar apabila dituntut.
- 3.3 Selain di atas, Pemegang Kad-i bersetuju bahawa Kad-i dikeluarkan untuk kegunaan berkaitan dengan Perkhidmatan yang disediakan oleh BSN dari semasa ke semasa di dalam lingkungan Had Kemudahan, semasa tempoh Kad-i (termasuk tempoh yang diperbaharui), termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:-
 - (a) untuk memudahkan pembelian barang dan/atau perkhidmatan halal daripada Rakan Niaga Yang dibenarkan; dan/atau
 - (b) untuk memudahkan Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 12 disini; dan/atau
 - (c) untuk memudahkan pengendalian pelbagai akaun perbankan yang dibuka untuk Pemegang Kad-i selaras dengan penggunaan Kad-i; dan/atau
 - (d) untuk memudahkan Program Pindahan Baki, Program Kemudahan Tunai, Program Pelan Pembayaran Mudah dan apa-apa program atau Perkhidmatan lain yang disediakan oleh BSN dari semasa ke semasa; dan/atau
 - (e) kemudahan lain, tertakluk kepada penentuan awal bertulis BSN (secara kolektif dirujuk sebagai "Perkhidmatan").

- 3.4 Walau apa pun Perkhidmatan yang dinyatakan seperti dalam Fasal 3.3 diatas, BSN mempunyai hak untuk menghentikan, mengganti atau melanjutkan Perkhidmatan tambahan, manfaat dan keistimewaan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Pemegang Kad-i.
- 3.5 Pemegang Kad-i juga bersetuju dan berakujanji bahawa Kad-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan atas talian, pertaruhan atau perjudian yang tidak sah. BSN berhak untuk menamatkan Kad-i dengan serta-merta tanpa notis atau liabiliti kepada Pemegang Kad-i sekiranya Kad-i didapati digunakan bagi apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

4. PENERIMAAN KAD-i

- 4.1 Sebagai balasan BSN mengeluarkan Kad-i kepada Pemegang Kad-i dan mana-mana Kad-i Tambahan kepada Pemegang Kad-i Tambahan, di mana Kad-i hendaklah ditandatangani oleh Pemegang Kad-i dan/atau Pemegang Kad-i Tambahan dengan serta-merta apabila ianya diterima, Pemegang Kad-i dan Pemegang Kad-i Tambahan bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan mana-mana terma dan syarat yang lain yang boleh dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa dengan memberikan Pemegang Kad-i notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- 4.2 Penggunaan Kad-i sebagai cara pembayaran adalah terhad kepada Pemegang Kad-i yang kepadanya Kad-i itu dikeluarkan untuk kegunaan di Rakan Niaga Yang Dibenarkan, ATM dan Bank-Bank Ahli.
- 4.3 Pemegang Kad-i tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad-i dan tidak boleh memindah atau pun melepaskan kawalan atau pemilikan Kad-i atau menggunakan untuk apa-apa tujuan yang tidak dibenarkan oleh BSN.
- 4.4 Sekiranya Pemegang Kad-i membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad-i atau memindah atau pun secara cuai atau sengaja melepaskan kawalan atau pemilikan Kad-i atau menggunakan untuk apa-apa tujuan yang tidak dibenarkan oleh BSN, Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab sepenuhnya dan bertanggungan ke atas semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i Pemegang Kad-i hendaklah menanggung rugi dan terus menanggung rugi BSN sepenuhnya terhadap semua kerugian, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh atau yang dimulakan terhadap BSN akibat transaksi tersebut.

5. TANDATANGAN DI ATAS KAD-i DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 5.1 Selepas menerima Kad-i, Pemegang Kad-i hendaklah DENGAN SEGERA menurunkan tandatangan di atas Kad-i (dengan menggunakan tandatangan yang sama yang tertera di atas borang permohonan Kad-i) dan sebarang slip pengakuan penerimaan yang diperlukan oleh BSN dan mengembalikan slip pengakuan penerimaan tersebut dengan serta-merta kepada BSN. Tandatangan Pemegang Kad-i di atas Kad-i atau di atas mana-mana draf jualan, rekod transaksi, baucer kredit, draf pembayaran tunai dan/atau rekod caj yang lain dan/atau penggunaan Kad-i dan/atau pengembalian slip pengakuan penerimaan akan membentuk bukti yang konklusif yang mengikat dan muktamad bahawa Pemegang Kad-i telah masuki Perjanjian ini dengan BSN.
- 5.2 Kad-i tidak boleh dipindah milik dan mesti digunakan secara eksklusif oleh Pemegang Kad-i. Kad-i tidak boleh disandar oleh Pemegang Kad-i sebagai sekuriti untuk apa-apa jua tujuan sekalipun.
- 5.3 Pemegang Kad-i boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad-i melalui notis bertulis kepada BSN dan mengembalikan kepada BSN, Kad-i yang dipotong dua di bahagian jalur magnetik dan melalui cip (jika Kad-i mempunyai mikrocip). Pemegang Kad-i akan dan

- terus bertanggungan untuk semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i sebelum BSN menerima notis bertulis berkenaan penamatan tersebut dan Kad-i yang dipotong dua.
- 5.4 Penggunaan Kad-i juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan semasa BSN dan semua terma, syarat dan peraturan lain yang mengawalselia Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i termasuk apa-apa peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang Bank Negara Malaysia. Pemegang Kad-i hendaklah pada setiap masa mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai berkenaan penggunaan Kad-i dan tanpa prejudis kepada kandungan terma yang berbentuk am, Pemegang Kad-i hendaklah memastikan bahawa ia mematuhi segala peraturan kawalan pertukaran wang asing Bank Negara Malaysia dan tidak menggunakan Kad-i tersebut untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perjudian tidak sah secara “atas talian” (sepertimana frasa tersebut biasa diketahui).

6. KAD-i TAMBAHAN

- 6.1 Atas permintaan Pemegang Kad-i, BSN boleh menurut budi bicara mengeluarkan Kad-i Tambahan mengikut budi bicara untuk digunakan oleh mana-mana orang lain yang dinamakan oleh Pemegang Kad-i sebagai Pemegang Kad-i Tambahan dan diluluskan oleh BSN dengan syarat penggunaan Kad-i Tambahan oleh Pemegang Kad-i Tambahan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang sama di sini. Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pemegang Kad-i Tambahan mematuhi segala terma, syarat dan obligasi yang terkandung di sini.
- 6.2 Selepas penamatan penggunaan Kad-i di bawah apa-apa keadaan atau atas permintaan Pemegang Kad-i, penggunaan semua Kad-i Tambahan juga akan ditamatkan. Penamatan penggunaan Kad-i Tambahan tidak akan menamatkan penggunaan Kad-i Pemegang Utama dengan syarat pembayaran penuh dibuat atas Baki Tertunggak Kad-i Tambahan dan Pemegang Kad-i hendaklah pada atau sebelum tarikh akhir yang ditetapkan, membayar tidak kurang dari bayaran minimum yang dinyatakan untuk Akaun Kad-i.
- 6.3 Walaupun Kad-i Tambahan mempunyai Nombor Akaun Kad-i yang berbeza dan Penyata berasingan mungkin dikeluarkan kepada Pemegang Kad-i Tambahan, Pemegang Kad-i Utama akan bertanggungjawab secara bersama-sama dan berasingan kepada BSN atas penggunaan Kad-i dan Kad-i Tambahan, termasuk semua jumlah yang berpunca daripada penggunaan Kad-i dan Kad-i Tambahan.
- 6.4 Semua terma dan syarat yang terpakai di sini ke atas Pemegang Kad-i adalah terpakai mutatis mutandis (dengan perubahan yang perlu) ke atas Pemegang Kad-i Tambahan dan untuk tujuan itu istilah “Pemegang Kad-i” dan “Kad-i” akan dibaca dan ditaksirkan seolah-olah istilah-istilah “Pemegang Kad-i Tambahan” dan “Kad-i Tambahan” digantikan padanya.

7. PEMILIHAN / PENGELOUARAN NOMBOR PENGENALAN PERIBADI (PIN)

- 7.1 Apabila Pemegang Kad-i menerima Kad-i baru atau penggantian Kad-i, Pemegang Kad-i dikehendaki untuk mengaktifkan Kad-i dan mewujudkan PIN pilihan. PIN boleh diwujudkan melalui Perbankan Internet myBSN atau di mana-mana cawangan BSN. Arahan mengenai pemilihan/pengeluaran PIN boleh didapati di mailer Kad-i.
- 7.2 Pemegang Kad-i boleh menukar PIN pada bila-bila masa. Ianya boleh dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN, ATM BSN atau di cawangan BSN.
- 7.3 Pemegang Kad-i adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan PIN tersebut dan ianya tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam sebarang keadaan pun atau disimpan dalam bentuk yang mudah diakses oleh orang lain.

8. TRANSAKSI DI TERMINAL POS

- 8.1 Pemegang Kad-i dikehendaki untuk mengesahkan pembelian di rangkaian Rakan Niaga Yang Dibenarkan di dalam Malaysia menggunakan 6-digit PIN di terminal POS.
- (a) Peniaga akan memasukkan Kad-i ke dalam peranti terminal POS pembaca Kad-i dan memasukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad-i.
 - (b) Terminal POS akan meminta 6-digit PIN Pemegang Kad.
 - (c) Pemegang Kad-i perlu memasukkan PIN pada terminal POS untuk meneruskan pembelian..
 - (d) Peniaga akan menyerahkan satu salinan draf jualan sebagai bukti pembelian bersama-sama dengan Kad-i kepada Pemegang Kad-i.
- 8.2 Pemegang Kad-i hendaklah memastikan bahawa jumlah transaksi adalah betul sebelum menandatangani mana-mana draf jualan atau rekod transaksi yang diberikan oleh peniaga atau institusi kewangan, atau menggunakan Kad-i di peranti Pembaca Tanpa Sentuh dan sebelum memasuki PIN di terminal POS.
- 8.3 Dengan menandatangani draf jualan atau rekod transaksi atau memasukkan PIN atau menggunakan Kad-i di terminal POS, Pemegang Kad-i menunjukkan persetujuan mereka bahawa jumlah transaksi adalah betul.
- 8.4 Pemegang Kad-i juga boleh menggunakan Kad-i untuk membuat transaksi Tanpa Sentuh melalui Pembaca Tanpa Sentuh yang mana jumlah transaksi maksimum dihadkan kepada RM250.00 untuk setiap transaksi atau apa-apa had lain yang dibenarkan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 8.5 Penggunaan Kad-i Kredit untuk pembelian petrol di Terminal Pam Luar:
Kad-i boleh digunakan untuk pembelian petrol di Terminal Pam Luar. Apabila memasukkan Kad-i ke dalam slot pembaca Kad-i dan melengkapkan transaksi, jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 (tertakluk kepada sebarang perubahan pada masa depan) akan dicajkan ke Akaun Kad. Jumlah caj pra-kebenaran akan dikembalikan dan caj sebenar akan dicajkan ke Akaun Kad-i setelah penjelasan dilakukan oleh peniaga selepas 3 hari bekerja dari tarikh transaksi. Pemegang Kad-i dinasihatkan untuk membuat transaksi di kaunter juruwang untuk mengelakkan dari jumlah pra-kebenaran dikenakan.

9. TRANSAKSI BERKAITAN TOL

- 9.1 Kad-i didayakan secara automatik untuk membayar tranksaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad-i pada terminal pembayaran.
- 9.2 Pemegang Kad-i bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan diusahakan oleh *Touch n' Go Group* dengan kebenaran pembayaran secara tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan terdapat perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.

10. PENGGUNAAN KAD-i

- 10.1 Pemegang Kad-i Utama hendaklah bertanggungjawab kepada BSN untuk semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad-i Utama dan Pemegang Kad-i Tambahan (jika ada) yang menggunakan Kad-i dan Kad-i Tambahan masing-masing dan untuk semua caj yang berkaitan yang dibilikan kepada Akaun-akaun Kad-i. Walau apa pun percanggahan di sini dan tanpa prejudis kepada kandungan terma yang berbentuk am, liabiliti Pemegang Kad-i Utama akan terus kekal tanpa mengira penamatian Perjanjian ini.
- 10.2 Pemegang Kad-i Tambahan (jika ada) hanya akan bertanggungjawab kepada BSN ke atas semua transaksi yang dilaksanakan melalui Kad-i Tambahan dan bagi semua caj yang dibilikan kepada Akaun Kad-i yang berkaitan dengan Kad-i Tambahan atau penggunaan yang demikian. Walau apa pun percanggahan di sini dan tanpa prejudis kepada kandungan terma yang berbentuk am, liabiliti Pemegang Kad-i Tambahan akan terus kekal tanpa mengira penamatian

Perjanjian ini.

- 10.3 Untuk menjalankan sesuatu transaksi pembelian kredit dari mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Pendahuluan Tunai dari mana-mana Bank-bank Ahli, Pemegang Kad-i hendaklah menandatangani draf jualan atau draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan/atau Bank-bank Ahli tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan. BSN dengan ini diberi kebenaran tanpa syarat oleh Pemegang Kad-i untuk mendebitkan Akaun Kad-i Pemegang Kad-i berkenaan untuk jumlah yang dibayar oleh BSN untuk pembelian atau Pendahuluan Tunai tersebut.
- 10.4 Walau apa pun peruntukan yang dinyatakan dalam Fasal 9.3, Pemegang Kad-i dengan ini memberi kebenaran tanpa syarat kepada BSN untuk membuat pembelian ke atas draf Jualan atau draf Pengeluaran Tunai Pemegang Kad-i yang tidak ditandatangani dan mendebit Akaun Kad-i untuk pembayaran yang dibuat oleh BSN kepada Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-bank Ahli untuk pembelian tersebut, jika BSN berpendapat berdasarkan bukti dokumentasi yang memuaskan, bahawa peninggalan tandatangan itu adalah disebabkan oleh sifat transaksi tersebut atau disebabkan oleh kesilapan Pemegang Kad-i Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan/atau, Bank-bank Ahli .
- 10.5 Bagi maksud Fasal 9.4, apa-apa keputusan BSN sama ada peninggalan tandatangan itu adalah disebabkan oleh sifat transaksi atau disebabkan oleh kesilapan di pihak BSN mengikat dan muktamad ke atas Pemegang Kad-i.
- 10.6 BSN berhak untuk menganggap rekod BSN untuk sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi yang dilakukan melalui internet atau apa-apa cara lain yang boleh diterima oleh BSN mengikut budi bicara dari semasa ke semasa, atau melalui pesanan pos melalui telefon, sebagai bukti hutang yang ditanggung secara sah oleh Pemegang Kad-i untuk didebitkan kepada Akaun Kad-i yang berkenaan walaupun apa-apa rekod tersebut mungkin tidak mengandungi apa-apa tandatangan Pemegang Kad-i.
- 10.7 Penggunaan Kad-i dilarang pada Kod Kategori Pedagang Tidak Patuh Syariah (KKP) termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana peniaga lain yang tidak patuh Syariah yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa;

No	KKP	Huraian
1	5921	Kedai Pakej,- Bir, Wain, Minuman Keras
2	5973	Rumah Agama
3	5993	Kedai dan Gerai Cerut
4	7261	Perkhidmatan Upacara Pengebumian dan Pembakaran
5	7273	Perkhidmatan Temu Janji dan Pengiring
6	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
7	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
8	7802	Lumba Kuda/Lumba Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
9	7995	Pertaruhan, termasuk Tiket Loteri, Cip Permainan Kasino, Pertaruhan di Luar Laluan Perlumbaan dan Pertaruhan di Dalam Laluan Perlumbaan
10	9406	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah bukan AS)

- 10.8 BSN berhak memperuntukkan Had Kemudahan kepada Akaun Kad-i yang berkenaan mengikut budi bicara yang perlu dipatuhi seketatnya oleh Pemegang Kad-i Utama dan Pemegang Kad-i Tambahan.
- 10.9 Jika Pemegang Kad-i Utama mengendalikan dua (2) atau lebih Akaun Kad-i, Had Kemudahan bergabung akan diperuntukkan kepada semua Akaun Kad-i yang mewakili Had Kemudahan keseluruhan yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad-i yang dipegang oleh Pemegang Kad-i Utama.
- 10.10 Walau apa pun Had Kemudahan yang ditetapkan dan Had Kemudahan yang digabungkan itu

telah ditetapkan untuk Pemegang Kad-i yang berkenaan, BSN boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya mengubah Had Kemudahan atau menyekat atau menolak atau menahan kredit Pemegang Kad-i dengan memberi notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Pemegang Kad-i dan Pemegang Kad-i dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa BSN tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun kepada Pemegang Kad-i Utama dan/atau Pemegang Kad-i Tambahan, akibat BSN menjalankan haknya di bawah Fasal ini.

11. REKOD TRANSAKSI DAN MATAWANG YANG DIBILKAN

11.1 BSN berhak untuk menganggap:-

- (a) apa-apa draf jualan, rekod transaksi yang disimpan atau direkodkan secara elektronik atau sebaliknya, baucer kredit, draf Pengeluaran Tunai dan/atau rekod caj lain yang mempunyai butiran cetak atau cetakan lain bagi maklumat bercetak timbul yang terkandung pada Kad-i; dan/atau
 - (b) rekod BSN berkenaan dengan Pendahuluan Tunai atau apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi yang dilakukan melalui pesanan pos telefon, internet atau sebarang peralatan mekanikal, elektrikal, elektronik, media lain, sebagai bukti hutang yang sewajarnya ditanggung oleh Pemegang Kad-i yang akan didebitkan ke dalam Akaun Kredit walaupun mana-mana dokumen tersebut mungkin tidak mengandungi tandatangan Pemegang Kad-i atau tandatangan Pemegang Kad-i (jika tertera) adalah berbeza dengan tandatangan Pemegang Kad-i di atas borang permohonan atau dalam rekod BSN. Pemegang Kad-i bersetuju bahawa rekod BSN tentang apa-apa transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad-i adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad-i untuk semua tujuan.
- 11.2 Tanpa mengambil kira apa yang dinyatakan di atas, sekiranya BSN menerima bukti dokumentasi yang memuaskan dan tidak boleh disangkal bahawa sebarang transaksi yang dilaksanakan ke atas Kad-i adalah disebabkan oleh penipuan yang bukan disebabkan atau diakibatkan oleh perbuatan dan/atau peninggalan di pihak Pemegang Kad-i dan dengan syarat bahawa Pemegang Kad-i mematuhi sepenuhnya terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, BSN boleh atas budi bicara melepaskan Pemegang Kad-i daripada obligasinya untuk membayar hutang yang terkumpul akibat transaksi penipuan tersebut.
- 11.3 Ke semua hutang jika dalam matawang selain daripada matawang bil akan:-
- (a) sebelum didebitkan ke Akaun Kad-i, ditukarkan kepada matawang bil pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa (kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang dikenakan pada tarikh transaksi disebabkan oleh turun naik pasaran) sebagaimana ditentukan oleh Visa International/MasterCard Worldwide pada tarikh kemasukan ke dalam Akaun Kad-i; dan
 - (b) tertakluk kepada bayaran pentadbiran sebanyak satu peratus (1%) daripada jumlah transaksi atau apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa setelah memberikan Pemegang Kad-i notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu dan apa-apa caj tersebut akan didebitkan kepada Akaun Kad-i;
 - (c) tertakluk kepada apa-apa bayaran yang boleh dicajkan dan ditentukan oleh Visa International/MasterCard Worldwide dan caj tersebut boleh didebitkan ke Akaun Kad-i.

12. TRANSAKSI ATM

12.1 Pemegang Kad-i perlu menggunakan PIN yang telah dipilih untuk mendapatkan Pendahuluan Tunai dan/atau Pengeluaran Tunai melalui ATM. Pemegang Kad-i tidak boleh menzahirkan PIN kepada orang lain di bawah mana-mana keadaan.

- 12.2 BSN tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan di dalam apa-apa jua cara atas sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau rasa malu ditanggung oleh Pemegang Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan di mana Kad-i tidak laku atau diterima untuk digunakan atau di mana Kad-i ditahan oleh ATM atau transaksi tidak dapat dilaksanakan atau telah dilaksanakan secara salah kerana sebab-sebab yang tidak berkaitan dengan kecacatan teknikal BSN. Kecacatan teknikal BSN tidak termasuk kerosakan, pemberhentian atau penutupan,
- 12.3 Masa operasi, jenis operasi, kemudahan dan Perkhidmatan yang tersedia kepada Pemegang Kad-i serta kekerapan dan cara penggunaan Kad-i untuk melaksanakan transaksi melalui ATM akan ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 12.4 Jika Kad-i digunakan di ATM bagi mengendalikan Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i, penggunaan Kad-i ke atas Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i akan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat semasa BSN yang mentadbir Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i.

13. PENDAHULUAN TUNAI / PENGELUARAN TUNAI

- 13.1 Pendahuluan Tunai adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSN kepada Pemegang Kad-i berdasarkan prinsip Syariah Ujrah merujuk kepada pembayaran upah perkhidmatan sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan dan Qard merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam.
- 13.2 Pemegang Kad-i boleh mendapatkan Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai dalam apa-apa amaun sebagaimana yang dibenarkan oleh BSN, dari semasa ke semasa dengan kaedah-kaedah berikut:-
 - (a) mengemukakan Kad-i di mana-mana cawangan BSN atau mana-mana Bank-Bank Ahli berserta dengan bukti identiti dan menandatangani rekod transaksi yang sewajarnya;
 - (b) menggunakan Kad-i di mana-mana ATM di mana-mana cawangan BSN atau mana-mana bank atau institusi lain yang dengannya BSN mempunyai kerjasama untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut (dalam kes sedemikian jumlah bagi setiap Pendahuluan Tunai adalah seterusnya tertakluk kepada had pengeluaran harian yang terpakai untuk ATM); atau
 - (c) bagi semua transaksi luar negara melalui ATM dan/atau mana-mana Bank-Bank Ahli dalam mana kadar pertukaran dan/atau yuran transaksi (jika berkenaan) yang dikenakan bagi Pengeluaran Tunai tersebut adalah pada kadar pertukaran semasa dan/atau yuran transaksi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa. Pemegang Kad-i bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa transaksi-transaksi tersebut tidak melanggar undang-undang semasa yang terpakai dalam negara di mana transaksi tersebut dijalankan.
- 13.3 Yuran Pendahuluan Tunai yang berdasarkan prinsip Ujrah akan dikenakan ke atas setiap jumlah Pendahuluan Tunai yang dibuat oleh Pemegang Kad-i pada kadar 2.69% daripada jumlah yang dikeluarkan, tertakluk kepada minimum RM12.75. Yuran Pendahuluan Tunai akan didebitkan ke Akaun Kad-i pada tarikh Pendahuluan Tunai dibuat.
- 13.4 Selain Yuran Pendahuluan Tunai, Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun (kadar yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa) dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i.
- 13.5 Walau apa pun Had Kemudahan, Pemegang Kad-i hanya dibenarkan menggunakan Kad-i untuk sebarang Pendahuluan Tunai dengan syarat jumlah Pendahuluan Tunai tidak melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada Had Kemudahan yang tersedia atau apa-apa had lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.

13.6 Pemegang Kad-i boleh meminta BSN untuk memindahkan dana daripada Akaun Kad-i nya kepada mana-mana akaun lainnya yang dipegang dengan BSN. Sebagai tambahan, Pemegang Kad-i memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada BSN untuk mendebitkan dan memindahkan dana daripada Akaun Kad-i nya kepada mana-mana akaun lainnya yang dipegang dengan BSN untuk menunaikan cek, menyelesaikan apa-apa transaksi debit dan/atau umumnya untuk meletakkan akaun tersebut ke dalam dana jika akaun sedemikian tidak mempunyai dana yang mencukupi. BSN boleh (tetapi tidak diwajibkan) memindahkan dana seperti yang dinyatakan. Dana yang dipindahkan menurut Fasal ini akan dianggap sebagai Pendahuluan Tunai oleh BSN kepada Pemegang Kad-i.

14. HAD KEMUDAHAN

- 14.1 Pemegang Kad-i tidak boleh melebihi Had Kemudahan dan hendaklah membayar apa-apa lebihan tersebut dengan serta-merta setelah menerima Penyata dan/atau apa-apa notis lain oleh BSN yang menunjukkan lebihan tersebut. Pemegang Kad-i seterusnya berakujanji tidak membuat apa-apa pembelian atau transaksi di dalam atau luar Malaysia yang boleh menyebabkan Had Kemudahan tersebut melebihi agregat.
- 14.2 Sekiranya Kad-i Tambahan dikeluarkan dan Had Kemudahan telah ditetapkan dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad-i, Had Kemudahan yang ditetapkan itu hendaklah menjadi Had Kemudahan yang sama dan dikongsi oleh semua Kad-i yang dinyatakan di atas secara agregat.
- 14.3 BSN hendaklah mendapatkan persetujuan Pemegang Kad-i sebelum sebarang kenaikan Had Kemudahan. Walau apa pun yang tersebut di atas, BSN berhak untuk mengurangkan Had Kemudahan pada bila-bila masa disebabkan oleh prestasi kredit Pemegang Kad-i yang lemah dan/atau kesukaran membuat pembayaran balik dan/atau mana-mana keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh BSN
- 14.4 Walau apa pun yang tersebut di atas, Pemegang Kad-i masih dan adalah bertanggungjawab terhadap semua liabilitinya termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pembelian, Pendahuluan Tunai dan sebarang transaksi melebihi Had Kemudahan tersebut. Sebagai tambahan dan tanpa pengurangan di atas, BSN tidak terikat dalam apa jua cara untuk memastikan bahawa Pemegang Kad-i tidak melebihi Had Kemudahan.
- 14.5 Pemegang Kad-i tidak berhak di bawah apa-apa keadaan untuk menuntut Had Kemudahan yang ditetapkan atau Had Kemudahan yang tidak digunakan yang disediakan oleh BSN untuk kegunaan Pemegang Kad-i. BSN tidak berada di bawah apa-apa obligasi sama ada di bawah undang-undang atau dalam ekuiti untuk membuat atau terus menyediakan Had Kemudahan yang ditetapkan atau Had Kemudahan yang tidak digunakan yang ditetapkan untuk penggunaan oleh Pemegang Kad-i.
- 14.6 Ketersediaan atau kesinambungan Had Kemudahan yang ditetapkan yang diberi kepada Pemegang Kad-i adalah tertakluk kepada semakan yang mungkin dijalankan oleh BSN dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa.
- 14.7 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan mana-mana hak BSN yang lain yang terkandung di dalam Perjanjian ini, berikut semakan BSN yang dinyatakan BSN akan memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Pemegang Kad-i dan tanpa apa-apa obligasi sama ada di bawah undang-undang atau ekuiti untuk memberikan apa-apa sebab untuk mengubah atau meminda Had Kemudahan yang ditetapkan untuk Pemegang Kad-i, terutamanya jika terdapat pengurangan dalam Had Kemudahan yang ditetapkan tersebut.
- 14.8 BSN boleh (tetapi tiada obligasi) pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menghubungi Pemegang Kad-i bagi mengesahkan sebarang transaksi yang dibuat dengan Kad-i tersebut sebagai satu langkah untuk mencegah apa-apa kemungkinan penggunaan Kad-i yang tidak sah. Sekiranya BSN tidak dapat menghubungi Pemegang Kad-i, BSN boleh (tetapi tiada obligasi) menolak transaksi tanpa liabiliti kepada BSN. Sekiranya BSN membenarkan transaksi

itu dijalankan, Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab bagi caj dan/atau hutang yang ditanggung dan/atau wang yang dikeluarkan.

15. PENYATA AKAUN

- 15.1 Penyata untuk Akaun Kad-i akan diberikan kepada Pemegang Kad-i sebulan sekali atau secara berkala yang mana difikirkan sesuai oleh BSN ke alamat terakhir Pemegang Kad-i di dalam rekod BSN dan adalah dipersetujui bahawa semua Penyata tersebut dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad-i dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari tarikh pengeposan.
- 15.2 Setelah Penyata diterima, Pemegang Kad-i dianggap telah memeriksa semua butiran di dalam Penyata.
- 15.3 Pemegang Kad-i dengan ini secara nyata berakujanji dengan BSN bahawa Pemegang Kad-i akan memaklumkan BSN secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk di dalam Penyata dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh Pemegang Kad-i menerima atau dianggap telah menerima Penyata tersebut.
- 15.4 Jika Pemegang Kad-i tidak memaklumkan kepada BSN secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, atau ketidaktepatan bagi mana-mana butiran di dalam Penyata, Pemegang Kad-i akan dianggap telah bersetuju dengan butiran yang terkandung di dalamnya yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir di dalam Penyata sebagai betul dan sebagai bukti terakhir dan muktamad bagi fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dan ianya mengikat Pemegang Kad-i. Pemegang Kad-i selepas itu adalah terhalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap BSN dengan mendakwa bahawa Penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.
- 15.5 BSN tidak mempunyai obligasi untuk memberikan kepada Pemegang Kad-i apa-apa Penyata, atau salinan Penyata atau draf jualan atau apa-apa rekod transaksi lain berkaitan semua transaksi yang telah berlaku melebihi daripada dua belas (12) bulan daripada tarikh permintaan Pemegang Kad-i.
- 15.6 Walau apa pun bayaran minimum yang perlu dibayar dan Tarikh Matang, keseluruhan Baki Tertunggak ke atas Akaun Kad-i termasuk Yuran Pengurusan Sebenar dan Ta'widh (caj gantirugi) akan menjadi terutang dan perlu dibayar apabila berlakunya keadaan-keadaan berikut:-
 - (a) penamatan penggunaan Kad-i oleh BSN atau keengganan BSN mengeluarkan Kad-i gantian; atau
 - (b) penamatan penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i atau kegagalan memperbaharui Kad-i.
- 15.7 Selepas penamatan penggunaan Kad-i dan Akaun Kad-i, Yuran Pengurusan Sebenar dan semua yuran dan caj yang terkandung di sini akan menjadi terutang dan perlu dibayar serta-merta. Untuk mengelakkan keraguan, adalah dipersetujui secara nyata oleh Pemegang Kad-i dan BSN bahawa semua peruntukan yang terkandung di sini akan terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan walaupun penggunaan Kad-i ditamatkan. Selepas penamatan penggunaan Kad-i, BSN boleh terus mendebitkan jumlah wang (termasuk tetapi tidak terhad kepada Yuran Pengurusan Sebenar dan lain-lain caj seperti yang terkandung di sini) ke Akaun Kad-i dan jumlah wang yang telah didebitkan akan menjadi terutang dan perlu dibayar serta-merta.

16. YURAN PENGURUSAN SEBENAR

- 16.1 BSN akan mengenakan Yuran Pengurusan Sebenar ke atas Baki Tertunggak Pemegang Kad-i sepetimana yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia (atau apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa) tertakluk kepada jenis Kad-i dan yuran semasa yang boleh dirujuk di Penyata Pendedahan Produk di laman web BSN.
- 16.2 Pemegang Kad-i tidak akan dikenakan apa-apa Yuran Pengurusan Sebenar semasa "Tempoh

- “Tanpa Yuran Pengurusan” untuk sekurang-kurangnya dua puluh (20) hari kalender bermula daripada tarikh Penyata bulanan semasa di mana Transaksi Runcit tersebut diposkan ke Akaun Kad-i. Untuk Pemegang Kad-i yang tidak menyelesaikan sepenuhnya Baki Tertunggak bulan sebelumnya, mereka tidak akan menikmati “Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan” seperti yang disebutkan.
- 16.3 Yuran Pengurusan Sebenar dikenakan ke atas Baki Tertunggak Transaksi Runcit yang tidak dibayar selepas Tarikh Akhir Pembayaran. Pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i.

17. YURAN PENGURUSAN TETAP

- 17.1 Sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang disediakan kepada Pemegang Kad-i oleh pihak BSN yang berkaitan dengan Kad-i dan menurut Terma dan Syarat Perjanjian ini, Pemegang Kad-i akan dikenakan Yuran Pengurusan Tetap di mana amaun yang dikenakan adalah berdasarkan kepada klasifikasi Kad-i yang dikeluarkan. Yuran Pengurusan Tetap boleh ditambah atau dikurangkan dari semasa ke semasa atas kelulusan BSN. Perubahan tersebut adalah terikat dan hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad-i mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak BSN. Yuran Pengurusan Tetap adalah seperti berikut:-

Jenis Kad Kredit Al-Aiman	Yuran Pengurusan Tetap
Klasik	RM3,600
Emas	RM13,500
Platinum	RM36,000

- 17.2 Yuran Pengurusan Tetap adalah had maksimum yang akan dicajkan bagi Yuran Pengurusan Sebenar seperti yang dinyatakan di Fasal 12.3 dan 15.1. Walau apapun, sekiranya Yuran Pengurusan Sebenar melebihi Yuran Pengurusan Tetap, pihak BSN hanya boleh mengenakan yuran kepada Pemegang Kad-i sehingga jumlah Yuran Pengurusan Tetap sahaja.
- 17.3 BSN mesti atau dari semasa ke semasa, memberi rebat (Ibra') kepada Pemegang Kad-i yang mana jumlahnya akan ditentukan dan dikira mengikut budi bicara BSN. Tanpa prejudis terhadap budi bicara BSN, jumlah rebat (Ibra'), sekiranya diberikan, akan ditentukan berdasarkan kepada perbezaan antara Yuran Pengurusan Tetap dan Yuran Pengurusan Sebenar.

18. TA'WIDH (CAJ GANTIRUGI)

- 18.1 Sekiranya berlaku kelewatan dalam pembayaran apa-apa jumlah wang yang terhutang dan perlu dibayar kepada BSN, Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk membayar kepada BSN Ta'widh (caj gantirugi) sehingga satu peratus (1%) daripada jumlah keseluruhan Baki Tertunggak, (tertakluk kepada caj minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00) atau pada apa-apa kadar yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa dan semua jumlah yang diterima oleh BSN hendaklah digunakan mengikut budi bicara BSN dalam apa jua cara sebagaimana dibenarkan oleh Syariah. Ta'widh (caj gantirugi) ini perlu dibayar sebelum dan juga selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman direkodkan. Walau bagaimanapun, BSN akan memberikan tempoh tangguh selama empat (4) hari kalender selepas tarikh pembayaran perlu dibayar sekiranya tarikh pembayaran perlu dibayar jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.
- 18.2 Walau apa pun di atas, jumlah Ta'widh (caj gantirugi) tidak boleh dikompaun.

19. YURAN DAN CAJ

- 19.1 Pemegang Kad-i dengan ini secara muktamad dan tanpa syarat bersetuju untuk membayar dan membenarkan BSN untuk mendebitkan Akaun Kad-i (atau jika terdapat lebih daripada satu Akaun Kad-i) bagi segala yuran dan caj yang akan ditentukan atau diubah oleh BSN dari

semasa ke semasa seperti berikut:-

(a) Yuran Tahunan	Rujuk pada Penyata Pendedahan Produk Kad-i
(b) Yuran Pendahuluan Tunai	Rujuk Fasal 12.2
(c) Yuran Pengurusan Sebenar	<ul style="list-style-type: none"> • Rujuk Fasal 15.1 untuk Transaksi Runcit • Rujuk Fasal 12.3 untuk Pendahuluan Tunai
(d) Yuran Pengurusan Tetap	Rujuk Fasal 16.1
(e) Caj Gantirugi (Ta'widh)	Rujuk Fasal 17.1
(f) Yuran untuk Permintaan Draf Jualan	RM5 untuk setiap salinan (fotokopi) dan RM15 untuk setiap salinan asal berkaitan apa-apa permintaan oleh Pemegang Kad-i untuk salinan pendua Draf Jualan.
(g) Yuran Guaman	Kos dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh BSN dalam melaksanakan hak-hak dan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini dan pungutan kesemua atau apa-apa bahagian wang yang terhutang oleh Pemegang Kad-i kepada BSN dalam Akaun Kad-i.
(h) Yuran Penggantian Kad-i	RM50 untuk pengeluaran Kad-i gantian kali kedua dan seterusnya (gantian kali pertama adalah percuma).
(i) Yuran Penyata Kad-i Tambahan	RM5 untuk setiap Penyata Kad-i Tambahan yang diminta oleh Pemegang Kad-i.
(j) Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara	Rujuk Fasal 10.2
(k) Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"> • Kad-i Utama – RM25 setahun bagi setiap kad • Kad-i – RM25 setahun bagi setiap kad
(l) Duti Setem bagi cagaran BSN SSP/BSN Term Deposit-i	RM5 bagi setiap RM1,000 had kemudahan yang diluluskan.
(m) Lain-lain yuran dan caj	Akan dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa bagi semua Perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad-i.

20. PERUBAHAN YURAN DAN CAJ-CAJ LAIN

- 20.1 Dalam memperkuatkan dan bukan mengurangkan hak-hak BSN yang terkandung dalam terma dan syarat lain Perjanjian ini, BSN akan memaklumkan kepada Pemegang Kad-i melalui kaedah-kaedah yang dinyatakan di dalam Fasal 19.2 disini, sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender notis terdahulu sebelum tarikh berkuatkuasa apa-apa pelaksanaan untuk mengubah kadar atau kaedah pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar, Ta'widh (caj gantirugi), bayaran minimum yang perlu dibayar, lain-lain yuran dan caj lain, dan apa-apa yuran yang terpakai atau levi yang diperuntukkan di sini.
- 20.2 Pemegang Kad-i dengan ini bersetuju bahawa BSN berhak untuk menggunakan salah satu atau lebih cara atau kaedah komunikasi berikut mengenai pemakluman perubahan dalam Yuran Pengurusan Sebenar, Ta'widh (caj gantirugi), bayaran minimum perlu dibayar, lain-lain yuran dan caj lain, dan apa-apa bayaran lain yang berkenaan atau levi lain termasuk tarikh berkuatkuasa apa-apa perubahan tersebut dengan syarat perubahan tersebut tidak akan berkuatkuasa secara retrospektif:-
- (a) melalui penampalan notis dalam premis BSN dan/atau cawangannya yang menyatakan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan; dan/atau
 - (b) melalui penerbitan sekali dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN tentang perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan; dan/atau

- (c) dengan memasukkan lampiran ke dalam Penyata Akaun memaklumkan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasanya; dan/atau
 - (d) melalui pengeposan notis kepada Pemegang Kad-i tentang perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan secara pos biasa atau berdaftar; dan/atau
 - (e) dengan menghantar notis mengenai perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasanya melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau emel elektronik kepada Pemegang Kad-i atau dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan di laman sesawang BSN.
- 20.3 Pemakluman yang dibuat oleh BSN di bawah ini adalah dianggap telah diterima atau disampaikan kepada Pemegang Kad-i:-
- (a) pada tarikh penampalan notis dalam premis BSN atau cawangannya sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Fasal 19.2(a) diatas; dan/atau
 - (b) pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar pilihan BSN sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Fasal 19.2(b) di atas; dan/atau
 - (c) tiga (3) hari kalender selepas tarikh Penyata Akaun diposkan kepada Pemegang Kad-i sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Fasal 19.2(c) di atas; dan/atau
 - (d) tiga (3) hari kalender selepas tarikh notis diposkan kepada Pemegang Kad-i secara pos biasa atau pos berdaftar sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh pihak BSN menurut peruntukan Fasal 19.2(d) di atas; dan/atau
 - (e) pada tarikh notis perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau emel elektronik kepada Pemegang Kad-i atau pada tarikh notis perubahan dipaparkan di laman sesawang BSN menurut peruntukan Fasal 19.2(e) di atas.

21. BAYARAN OLEH BSN UNTUK PENIAGA YANG DIBENARKAN

- 21.1 BSN berhak untuk membayar dengan serta-merta jumlah yang baginya suatu tuntutan atau permintaan telah dibuat pada bila-bila masa atas Perkhidmatan yang disediakan tanpa sebarang rujukan atau kebenaran lanjut daripada Pemegang Kad-i. BSN tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk menyiasat atau membuat pertanyaan bagi pihak Pemegang Kad-i sama ada apa-apa tuntutan atau permintaan Rakan Niaga Yang Dibenarkan untuk pembayaran telah dibuat secara teratur walaupun Pemegang Kad-i mungkin mempertikaikan kesahihan tuntutan atau permintaan tersebut.
- 21.2 Liabiliti Pemegang Kad-i tidak akan dengan apa cara sekalipun diprejudiskan, terjejas atau diketepikan hanya kerana BSN mempunyai atau mungkin mempunyai justifikasi untuk tidak membayar apa-apa amaun yang dituntut atau diminta di bawah Perkhidmatan ini. Oleh itu, ia tidak boleh dijadikan pembelaan kepada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh BSN terhadap Pemegang Kad-i di bawah Perjanjian ini dan tiada sebarang kewajipan Pemegang Kad-i di bawah Perjanjian ini akan terjejas atau tercela atas alasan bahawa BSN mempunyai atau mungkin mempunyai justifikasi untuk menolak pembayaran secara keseluruhan atau sebahagian daripada amaun yang didakwa atau dituntut di bawah Perkhidmatan.

22. PEMBAYARAN

- 22.1 Setelah menerima Penyata, Pemegang Kad-i hendaklah membayar kepada Akaun Kad-i seperti berikut:-
- (a) Bayaran minimum yang perlu dibayar termasuk:
 - (i) 5% Baki Semasa*
 - (ii) 100% Amaun Ansuran Bulanan** (jika ada)
 - (iii) 100% Amaun Tunggakan (jika ada)

(iv) Amaun melebihi had kemudahan (jika ada)

ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

*Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + yuran pengurusan dan/atau caj lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

**Terpakai kepada Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN Easy Cash, Pelan 0% EasyPay BSN, Pelan Instalment-Pay BSN yang BAHARU dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

- 22.2 Apabila Pemegang Kad-i tidak membuat pembayaran Baki Tertunggak (selain mana-mana Pendahuluan Tunai) dengan sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran, maka BSN berhak untuk mengenakan caj kepada Pemegang Kad-i dan Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk membayar Yuran Pengurusan Sebenar seperti yang dinyatakan dalam Fasal 15 Perjanjian ini.
- 22.3 Pemegang Kad-i tidak akan dikenakan apa-apa Yuran Pengurusan Sebenar semasa "Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan" dari tarikh Penyata jika Pemegang Kad-i telah membayar jumlah penuh Penyata Transaksi Runcit bulan terdahulu. Jika Pemegang Kad-i memilih untuk membayar sebahagian atau bayaran minimum bagi Penyata terdahulu, Yuran Pengurusan Sebenar ke atas Transaksi Runcit Pemegang Kad-i yang belum dibayar akan dikira dari tarikh transaksi diposkan ke Akaun Kad-i.
- 22.4 Jika Pemegang Kad-i gagal membayar kepada BSN jumlah yang bersamaan atau lebih daripada bayaran minimum yang perlu dibayar seperti di atas pada Tarikh Akhir Pembayaran, maka, tanpa memprejudiskan lain-lain hak BSN yang terkandung di dalam Perjanjian ini, BSN juga berhak untuk mengenakan caj kepada Pemegang Kad-i dan Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk membayar Ta'widh (caj gantirugi) seperti dinyatakan dalam Fasal 17 dalam Perjanjian ini.
- 22.5 Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad-i kepada Akaun Kad-i tidak tertakluk kepada apa-apa potongan sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolakan terhadap Rakan Niaga Yang Dibenarkan, Bank-bank Ahli dan/atau BSN, dan ianya terpakai dalam cara yang difikirkan sesuai oleh BSN.
- 22.6 Pemegang Kad-i berakujanji untuk membuat pengaturan yang memuaskan untuk semua bayaran/pembayaran balik Akaun Kad-i selaras dengan terma dan syarat Perjanjian ini pada setiap masa, termasuk tetapi tidak terhad kepada masa apabila Pemegang Kad-i ke luar negara.

23. ATURAN BAYARAN

- 23.1 Semua pembayaran kepada BSN mesti dibuat dalam mata wang bil. Pembayaran oleh Pemegang Kad-i kepada BSN tidak akan dianggap telah dibuat sehingga dana yang berkaitan telah diterima dalam nilai sebenarnya oleh BSN. Semua pembayaran melalui cek mestilah termasuk komisyen pertukaran dalaman jika berkenaan. Kegagalan memasukkan komisyen pertukaran dalaman akan memberikan hak kepada BSN untuk mendebitkan Akaun Kad-i atau melaksanakan haknya untuk membuat tolakan yang difikirkan sesuai oleh BSN. Bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad-i kepada BSN sama ada didebitkan terus dari Akaun Lain Pemegang Kad-i atau sebaliknya akan digunakan untuk menjelaskan baki yang dikenakan Yuran Pengurusan Sebenar tertinggi dahulu (dan dalam hal yuran pengurusan sebenar yang sama, turutan itu akan bermula dari tarikh transaksi yang paling awal kepada terkini) mengikut turutan yang berikut:-
 - (a) untuk membayar semula semua jumlah pokok, yuran pengurusan dan caj untuk Pendahuluan Tunai; dan

- (b) untuk membayar semula semua jumlah pokok dan yuran pengurusan untuk Transaksi Runcit; dan
 - (c) untuk membayar semula semua yuran dan caj lain (contohnya yuran tahunan, Ta'widh (pampasan), yuran undang-undang dan lain-lain) dalam turutan tersebut dan/atau apa-apa cara lain yang BSN anggap wajar.
- 23.2 BSN diberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan (tetapi tidak mempunyai obligasi) untuk memindahkan bayaran daripada satu Akaun Kad-i kepada Akaun Kad-i lain (untuk semua akaun yang dimiliki oleh Pemegang Kad-i Utama) untuk menyeragamkan sebarang baki terhutang dalam akaun lain.

24. PENGENEPIAN

- 24.1 Penerimaan BSN terhadap pembayaran lewat , pembayaran sebahagian, cek atau kiriman wang yang ditandakan sebagai pembayaran penuh atau pengenepian hal oleh BSN atau kelonggaran yang diberikan kepada Pemegang Kad-i tidak boleh menghalang BSN daripada menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah Perjanjian ini untuk mendapatkan jumlah yang perlu dibayar disini atau penerimaan tersebut juga tidak akan dianggap sebagai persetujuan untuk meminda Perjanjian ini dalam apa jua keadaan.
- 24.2 Hak-hak BSN seperti yang terkandung di sini adalah kumulatif, boleh digunakan sekerap mungkin jika dianggap sesuai dan sebagai penambahan kepada hak-hak BSN di bawah sebarang undang-undang terpakai. Hak BSN seperti yang terkandung di sini tidak boleh diketepikan atau diubah, melainkan dengan pengenepian secara jelas atau perubahan secara bertulis, dan khususnya sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau sebarang kelewatan dalam melaksanakan hak-hak tersebut tidak akan berfungsi sebagai pengenepian atau perubahan hak tersebut atau apa-apa hak lain.
- 24.3 Sebarang ketidak sempurnaan atau pelaksanaan sebahagian hak-hak itu tidak akan menghalang hak-hak yang lain atau perlaksanaan hak-hak itu selanjutnya dan tiada tindakan, atau rundingan bagi bahagiannya atau bagi pihaknya dalam apa jua cara akan menghalang pelaksanaan sebarang hak tersebut atau menjadi suatu penggantungan atau perubahan hak-hak tersebut.

25. PEMBAYARAN MELALUI CEK

- 25.1 Cek yang dihantar oleh Pemegang Kad-i sebagai pembayaran dan yang mana kemudiannya tidak ditunaikan boleh dikembalikan melalui penghantar, melalui kurier atau pos kepada Pemegang Kad-i dan atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Kad-i sendiri. BSN tidak akan bertanggungan dan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad-i jika cek yang tidak dijelaskan tersebut hilang dalam perjalanan.

26. PRA-PEMBAYARAN

- 26.1 Sekiranya Pemegang Kad-i membayar kepada BSN jumlah melebihi Baki Tertunggak ("pra-pembayaran"), BSN berhak pada bila-bila masa untuk menentusahkan sumber dana pra-pembayaran tersebut. Tertakluk BSN telah berpuashati dengan pengesahan tersebut, BSN, tanpa prejudis kepada hak-hak lainnya di bawah Perjanjian ini, boleh menggunakan pra-pembayaran tersebut terhadap obligasi pembayaran Pemegang Kad-i untuk semua pembelian dan transaksi menggunakan Kad-i tersebut. Sementara menunggu BSN menentusahkan sumber dana bagi pra-pembayaran tersebut:-
 - (a) BSN merizabkan hak untuk menggantung penggunaan Kad-i dan/atau menolak apa-apa transaksi yang cuba dilaksanakan melalui Kad-i oleh Pemegang Kad-i selepas pra-pembayaran; dan
 - (b) apa-apa jumlah yang masih berbaki kepada kredit Akaun Kad-i berikutan pra-pembayaran tidak akan dipulangkan balik kepada Pemegang Kad-i.
- 26.2 Sekiranya sumber dana daripada pra-pembayaran adalah daripada institusi kewangan lain

melalui "pindahan baki" atau sebaliknya dan pra-pembayaran tersebut menyebabkan sejumlah dana dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i, BSN merizabkan haknya untuk mengembalikan jumlah yang masih berbaki kredit dalam Akaun Kad-i tersebut kepada institusi kewangan yang berkenaan. Apa-apa jumlah yang dikreditkan tidak akan dilepaskan kepada Pemegang Kad-i tetapi akan digunakan untuk melangsangkan apa-apa wang yang belum dibayar di bawah Akaun Kad-i daripada pembelian dan transaksi yang dilaksanakan oleh penggunaan Kad-i tersebut.

27. ARAHAN TELEKOMUNIKASI

- 27.1 BSN berhak (tetapi tidak diwajibkan) menerima arahan daripada Pemegang Kad-i melalui telefon berhubung dengan Kad-i, termasuk dan tidak terhad kepada permintaan-permintaan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut (melainkan dinyatakan sebaliknya):-
 - (a) pertukaran alamat surat-menyurat; atau
 - (b) laporan kehilangan Kad-i; atau
 - (c) penggantian Kad-i yang hilang atau rosak; atau
 - (d) perubahan Had Kemudahan; atau
 - (e) lain-lain transaksi yang mungkin ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 27.2 Sebelum menerima arahan-arahan tersebut melalui telefon, identiti Pemegang Kad-i akan disahkan oleh wakil BSN melalui suatu proses keselamatan yang ditetapkan oleh BSN yang merangkumi butir-butir peribadi Pemegang Kad-i.
- 27.3 Walau apa pun Fasal 26.1 dan 26.2 di atas, BSN boleh meminta pengesahan bertulis daripada Pemegang Kad-i mengenai arahan Pemegang Kad-i sebelum melaksanakannya.
- 27.4 BSN tidak akan bertanggungan atau bertanggungjawab kepada Pemegang Kad-i untuk apa-apa jua kehilangan atau kerosakan walau apapun penyebabnya atau yang dialami oleh Pemegang Kad-i dalam mengikuti atau meninggalkan apa-apa atau kesemua arahan yang dinyatakan di Fasal 26.1.
- 27.5 Pemegang Kad-i mengakui dan bersetuju bahawa:-
 - (a) BSN boleh merakamkan semua perbualan telefon antara Pemegang Kad-i dan wakil BSN; dan
 - (b) berdasarkan sifat semulajadi sesuatu perbualan telefon, BSN tidak bertanggungjawab jika pihak ketiga yang tidak diberi kuasa terdengar perbualan tersebut.
- 27.6 Pemegang Kad-i seterusnya membentuk kebenaran bagi BSN untuk bertindak atas arahannya yang diberikan melalui faksimili atau lain-lain cara telekomunikasi dan sebarang permintaan yang dibuat oleh Pemegang Kad-i kepada Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau pembekal perkhidmatan untuk bekalan barang dan/atau perkhidmatan untuk dicajkan keAkaun Kad-i akan membentuk kebenaran bagi BSN untuk mendebitkan Akaun Kad-i dengan amaan yang dicajkan. Pemegang Kad-i dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk menanggung rugi BSN terhadap segala tindakan, tuntutan, kerugian, liabiliti atau kerosakan yang ditanggung oleh BSN berikutan persetujuan untuk bertindak atas arahan lisan, faks atau arahan telekomunikasi Pemegang Kad-i.
- 27.7 BSN diberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan Pemegang Kad-i melalui mel elektronik, telefon atau SMS, di mana teks, mesej elektronik atau maklumat dihantar ke alamat e-mel Pemegang Kad-i atau ke nombor telefon bimbit dalam rekod BSN . Maklumat yang dihantar melalui mel elektronik, atau melalui SMS mungkin mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh BSN dan mungkin mengandungi (tetapi tidak terhad kepada) peringatan-peringatan berkenaan dengan pembayaran minimum yang terhutang, tarikh pembayaran perlu dibayar dan kemaskini mengenai faedah, program dan promosi dan lain-lain maklumat umum dan/atau khusus kepada Pemegang Kad-i.
- 27.8 Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan

penyimpanan maklumat-maklumat yang diterimanya.

- 27.9 Pemegang Kad-i akan memaklumkan BSN serta-merta apabila menerima amaran transaksi melalui SMS jika transaksi itu tidak dibenarkan.
- 27.10 Pemegang Kad-i hendaklah memaklumkan BSN dengan segera secara bertulis berkenaan pertukaran nombor telefon bimbit. Jika gagal berbuat demikian, BSN boleh terus menghantar SMS kepada Pemegang Kad-i tanpa mengambil kira arahan Pemegang Kad-i. BSN tidak bertanggungan kepada Pemegang Kad-i bagi apa-apa kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khusus atau bersebab), kehilangan perniagaan atau keuntungan atau apa-apa kehilangan atau kerosakan dalam apa jua keadaan yang dialami oleh Pemegang Kad-i yang timbul daripada atau akibat daripada:-
- (a) kerosakan atau kecacatan dalam penyaluran maklumat atas apa jua alasan;
 - (b) ketidaktepatan, ketidak lengkap, kelewatan atau kegagalan menghantar sebarang maklumat yang disalurkan atau penyaluran secara salah bagi apa-apa maklumat kepada pihak ketiga;
 - (c) akses yang salah, tanpa kebenaran dan tidak wajar untuk penggunaan atau pentafsiran maklumat yang disalurkan; atau
 - (d) tuntutan berkaitan fitnah secara lisan atau bertulis yang timbul akibat dari penyaluran sebarang makluman.

28. PENAMATAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN KAD-i

- 28.1 Kad-i adalah dan akan, pada setiap masa, menjadi harta BSN dan hendaklah dikembalikan kepada BSN dengan serta-merta apabila diminta oleh BSN atau ejennya yang diberi kuasa. BSN boleh menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan, Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberi notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalender kepada Pemegang Kad-i sebelum penarikan balik, penggantungan dan/atau penamatan Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan yang difikirkan wajar dan tanpa mengira sama ada apa-apa peristiwa kemungkiran telah berlaku. Adalah selanjutnya dipersetujui bahawa BSN tidak berkewajipan untuk memberikan alasan bagi penamatan atau penggantungan penggunaan Kad-i.
- 28.2 Tanpa prejudis kepada atau menghadkan hak-hak BSN seperti yang terkandung di atas, BSN boleh menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan serta-merta, walaupun BSN mungkin telah mengenepikan haknya dalam beberapa kejadian sebelumnya, apabila berlakunya mana-mana satu atau lebih daripada perkara berikut:-
- (a) jika Pemegang Kad-i gagal atau mungkir dalam pembayaran yang perlu dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran minimum yang perlu dibayar, apa-apa amaun yang melebihi Had Kemudahan yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 21 terdahulu daripada ini), Yuran Pengurusan Sebenar dan Ta'widh (caj gantirugi), yuran dan lain-lain caj, dan mana-mana yuran yang terpakai atau levi yang diperuntukkan di sini, apabila terhutang dan perlu dibayar berikut dan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di sini sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - (b) jika Pemegang Kad-i melakukan atau mengugut untuk melakukan kemungkiran atau melanggar mana-mana perjanjian, ketetapan, terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di sini yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pemegang Kad-i;
 - (c) jika petisyen kebankrapan dikemukakan atau suatu perintah dibuat untuk perintah penghukuman dan/atau perintah penerimaan terhadap Pemegang Kad-i;
 - (d) jika tindakan distres atau pelaksanaan atau proses mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten yang lain adalah dikenakan atau dilaksanakan terhadap mana-mana harta benda kepunyaan Pemegang Kad-i dan tindakan distres, pelaksanaan atau

- proses yang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, tidak diselesaikan oleh Pemegang Kad-i dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh tersebut;
- (e) jika Pemegang Kad-i memberi maklumat atau data palsu kepada BSN;
 - (f) jika seorang penerima telah dilantik berhubung dengan aset Pemegang Kad-i atau mana-mana bahagian daripadanya atau suatu mesyuarat, sama ada rasmi atau tidak rasmi, diadakan oleh pemutang-pemutang Pemegang Kad-i atau salah seorang daripada mereka atau jika Pemegang Kad-i menyertai skim pembayaran balik atau penyusunan dengan mana-mana pemutang atau jika Pemegang Kad-i pergi kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan;
 - (g) jika Pemegang Kad-i membenarkan suatu hutang penghakiman yang diambil terhadapnya dibiarkan tidak diselesaikan.
 - (h) jika menurut pendapat BSN, Akaun Kad-i dan/atau Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i dengan BSN adalah atau telah tidak dikendalikan dengan memuaskan atau kemungkinan pembayaran yang terhutang telah berlaku;
 - (i) jika suatu perkara atau perkara-perkara telah berlaku atau suatu situasi wujud yang akan atau mungkin menurut pendapat pihak BSN memprejudiskan kemampuan Pemegang Kad-i untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini;
 - (j) jika Pemegang Kad-i menjadi tidak waras atau meninggal dunia;
 - (k) jika pihak BSN tidak mengetahui di mana Pemegang Kad-i berada;
 - (l) jika pihak BSN berpendapat terdapat transaksi yang menimbulkan kesangsian atau luar biasa yang dilaksanakan ke atas Kad-i dan penggantungan dan/atau penamatatan adalah munasabah dan diperlukan untuk mencegah penipuan atau transaksi yang tidak diberi kuasa;
 - (m) jika Pemegang Kad-i didapati telah melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan yang terpakai berkaitan penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i; atau
 - (n) jika Pemegang Kad-i didapati terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada perjudian haram atas talian).
- 28.3 Tanpa mengambil kira tarikh transaksi, Pemegang Kad-i akan terus bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad-i tersebut walaupun Kad-i telah dipulangkan.
- 28.4 Sekiranya Kad-i ditamatkan dan/atau digantung oleh BSN di bawah Perjanjian ini, Kad-i Tambahan juga akan ditamatkan dan/atau digantung dengan serta-merta.

29. PENDEDAHAN PIN, KOD BOSS, KECURIAN ATAU KEHILANGAN KAD-I

- 29.1 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, Pemegang Kad-i akan dan tetap bertanggungjawab kepada pihak BSN untuk apa-apa barang dan perkhidmatan Halal yang dibekalkan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan semua Pendahuluan Tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i sama ada penggunaan tersebut dibenarkan oleh Pemegang Kad-i atau tidak.
- 29.2 Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk mengambil langkah penjagaan yang tinggi, usaha wajar dan langkah pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad-i secara penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang lain dan Pemegang Kad-i akan menanggung rugi dan tidak memudaratkannya BSN terhadap apa-apa liabiliti untuk kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) akibat kemungkinan kewajipan oleh Pemegang Kad-i. Tanggungjawab untuk mengambil langkah jagaan yang tinggi, usaha wajar dan pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad-i secara penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang lain termasuk:-
- (a) tidak boleh sama sekali membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad-

- i;
- (b) tidak menulis PIN di atas Kad-i atau apa-apa benda yang biasanya disimpan bersama Kad-i;
 - (c) tidak menulis PIN dalam bentuk yang boleh difahami oleh orang lain;
 - (d) tidak membocorkan/mendedahkan/berkongsi PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada orang lain;
 - (e) tidak melepaskan Kad-i dari pandangan Pemegang Kad-i; atau
 - (f) tidak menggunakan tarikh lahir Pemegang Kad-i, nombor kad pengenalan atau nombor telefon sebagai PIN.
- 29.3 Sekiranya berlaku apa-apa kehilangan dan/atau kecurian Kad-i dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang lain atau pihak ketiga, Pemegang Kad-i hendaklah dengan serta merta memaklumkan BSN dan melaporkan kepada polis berkenaan kehilangan dan/atau kecurian Kad-i tersebut dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana individu diikuti dengan pengesahan bertulis kepada BSN bersama-sama dengan salinan laporan polis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Pemegang Kad-i akan dan tetap bertanggungjawab kepada BSN untuk apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan Pendahuluan Tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i oleh mana-mana individu sebelum BSN menerima pengesahan bertulis Pemegang Kad-i.
- 29.4 Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran bagi Kad-i berasaskan PIN yang dikemukakan jika Pemegang Kad-i telah:
- (a) melakukan penipuan; atau
 - (b) gagal memaklumkan BSN secepat mungkin dalam tempoh munasabah selepas mengetahui bahawa Kad-i hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran; atau
 - (c) mendedahkan PIN kepada orang lain dengan secara sukarela; atau
 - (d) merekodkan PIN pada Kad-i atau menyimpan berhampiran dengan Kad-i.
- 29.5 Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran dengan kehadiran Kad-i yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan Transaksi Tanpa Sentuh, jika Pemegang Kad-i telah:
- (a) melakukan penipuan; atau
 - (b) gagal memaklumkan kepada BSN secepat mungkin dalam tempoh yang munasabah selepas mengetahui bahawa Kad-i hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran; atau
 - (c) meninggalkan Kad-i atau item yang mengandungi Kad-i tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
 - (d) secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad-i.
- 29.6 Pemegang Kad-i akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa Kad-i, jika Pemegang Kad-i telah:
- (a) melakukan penipuan; dan/atau
 - (b) gagal memaklumkan kepada BSN secepat mungkin dalam tempoh yang munasabah selepas Pemegang Kad-i menyedari Kad-i telah digunakan tanpa kebenaran;
 - (c) secara sengaja atau tidak sengaja mendedahkan butiran Kad-i dan Kod BOSS kepada mana-mana orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui e-mel yang tidak diminta atau mana-mana laman web selain daripada laman web rasmi Bank (BSN); dan/atau
 - (d) terlibat dalam transaksi yang dipertikaikan, samada secara langsung atau tidak langsung seperti yang dimaklumkan oleh pemeroleh.
- 29.7 Sekiranya Pemegang Kad-i tidak puas hati dengan keputusan BSN berkaitan dengan apa-apa isu berbangkit dari Fasal ini, Pemegang Kad-i boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Apabila Kad-i yang hilang atau dicuri telah ditemui, Pemegang Kad-i bersetuju tidak akan menggunakan Kad-i yang

- telah ditemui itu dan mesti dengan serta merta mengembalikan Kad-i tersebut, yang dipotong dua di bahagian tengah jalur magnetik dan melalui cip (jika Kad-i tersebut mempunyai mikrocip di dalamnya) kepada BSN.
- 29.8 BSN tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengeluarkan Kad-i gantian kepada Pemegang Kad-i berikutan dengan kehilangan atau kecurian Kad-i. Sekiranya BSN memutuskan untuk mengeluarkan Kad-i gantian ia adalah tertakluk kepada Yuran Penggantian Kad-i yang dinyatakan dalam Fasal 18.1 (atau apa-apa amaun sebagaimana yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa). BSN berhak untuk tidak menggantikan Kad-i sekiranya terdapat laporan kehilangan atau kecurian Kad-i yang seterusnya.
- 29.9 Jika Kad-i gantian dikeluarkan, segala Baki Tertungggak yang belum dijelaskan dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Tertungggak dalam Akaun Kad-i akan dipindahkan kepada Akaun Kad-i yang baru.

30. PEMBAHARUAN KAD-i

- 30.1 Setelah tamat tempoh sah Kad-i, BSN boleh mengeluarkan Kad-i gantian baru kepada Pemegang Kad-i yang sah untuk suatu tempoh yang sama seperti tempoh sah Kad-i asal. Walau bagaimanapun, BSN merizabkan haknya untuk menolak dari mengeluarkan Kad-i gantian baru tanpa memberikan apa-apa alasan sekalipun.
- 30.2 Jika Kad-i baharu dikeluarkan, segala Baki Tertungggak yang belum dijelaskan dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Tertungggak dalam Akaun Kad-i akan dipindahkan kepada Akaun Kad-i yang baharu.

31. PENUTUPAN AKAUN

- 31.1 BSN akan menutup Akaun Kad-i apabila menerima permintaan penutupan daripada Pemegang Kad-i , atau apabila penggunaan Kad-I ditamatkan atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu selepas memberikan notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Pemegang Kad-i tanpa tertakluk kepada mana-mana yuran dan caj yang dikenakan oleh BSN ke atas Pemegang Kad-i. Sehubungan dengan penutupan Akaun Kad-i, BSN akan mengatur pemulangan baki (sekiranya ada) kepada Pemegang Kad-i dalam masa tiga puluh (30) hari kalender melalui kaedah pembayaran yang ditentukan oleh BSN.

32. TOLAKAN / PENYATUAN

- 32.1 BSN boleh pada bila-bila masa dengan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis terlebih dahulu untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pemegang Kad-i dengan BSN untuk menolak atau memindahkan apa-apa wang yang ada dalam akaun kredit Pemegang Kad-i dengan BSN walau apa jua jenisnya dan di mana jua lokasinya ke arah pengurangan dan/atau pelepasan apa-apa jumlah yang terhutang kepada BSN di bawah Perjanjian ini. Dalam hal ini, BSN boleh secara serentak merizabkan apa-apa dana yang tersedia dalam akaun deposit Pemegang Kad-i terhadap Baki Tertungggak Pemegang Kad-i selepas pengeluaran notis kepada Pemegang Kad-i.

33. KOS UNDANG-UNDANG DAN TANGGUNG RUGI

- 33.1 Pemegang Kad-i bertanggungjawab untuk membayar dan menanggung rugi BSN terhadap semua kos guaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguam cara dan klien), caj dan perbelanjaan yang BSN boleh menanggung untuk menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan Perjanjian ini atau dalam mendapatkan atau memohon untuk mendapatkan bayaran kesemua atau mana-mana bahagian wang yang terhutang oleh Pemegang Kad-i. BSN juga mempunyai hak untuk mendebit dan/atau menolak daripada Akaun Kad-i dan/atau mana-mana Akaun Lain Pemegang Kad-i dengan BSN, untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Pemegang Kad-i di bawah tanggung rugi ini, dan/atau untuk

mendapatkan semula apa-apa wang yang Pemegang Kad-i berhutang kepada BSN berikutnya tanggung rugi ini.

34. KEJADIAN DI LUAR KAWALAN (*FORCE MAJEURE*)

- 34.1 Tanpa memprejudiskan apa-apa peruntukan Perjanjian ini, Pemegang Kad-i bersetuju bahawa BSN tidak bertanggungan sekiranya BSN tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan apa-apa peralatan mekanik atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, apa-apa tindakan di luar kawalan BSN atau yang disebabkan oleh apa-apa faktor bersifat force majeure. Sebarang ketidakmampuan untuk membuat pembayaran oleh Pemegang Kad-i kepada BSN disebabkan kekurangan simpanan tidak akan dalam apa jua keadaan dianggap sebagai peristiwa force majeure.
- 34.2 Jika BSN tidak dapat memberikan kepada Pemegang Kad-i dengan Penyata menurut peruntukan di dalam Perjanjian pada bila-bila tempoh masa, liabiliti Pemegang Kad-i untuk Yuran Pengurusan Sebenar dan lain-lain yuran dan caj akan terus terakru dan untuk tujuan pengiraan yuran pengurusan yang perlu dibayar kepada BSN atau penetapan tarikh yang perlu dibayar bagi pembayaran Yuran Pengurusan Sebenar, lain-lain yuran dan caj-caj dan jumlah pokok, BSN boleh memilih mana-mana hari dalam bulan tersebut sebagai tarikh Penyata bulanan.

35. BSN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP TINDAKAN RAKAN NIAGA YANG DIBENARKAN DAN PIHAK KETIGA

- 35.1 Pihak BSN tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-bank Ahli menolak untuk menunaikan atau menerima Kad-i atau untuk apa-apa kecacatan atau ketidakpuasan berkenaan barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad-i oleh mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan. Apa-apa aduan oleh Pemegang Kad-i mestilah diselesaikan secara terus dengan Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-bank Ahli berkenaan dan tiada tuntutan terhadap Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-bank Ahli boleh ditolak atau dituntut balas terhadap BSN.
- 35.2 Seterusnya Pemegang Kad-i bersetuju untuk menanggung jumlah yang dikenakan dan tidak akan menangguhkan pembayaran kepada BSN ke atas akaun disebabkan oleh apa-apa aduan atau dalam apa jua keadaan. Barang-barang dan perkhidmatan Halal yang diperolehi melalui Kad-i tidak boleh ditukar atau dipulangkan untuk pembayaran balik wang tunai tetapi baucer kredit akan dikeluarkan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan untuk tujuan ini. Selepas penerimaan sebarang baucer kredit, BSN akan mengkreditkannya ke dalam Akaun Kad-i Pemegang Kad-i tersebut. Melainkan baucer kredit yang dikeluarkan diterima oleh pihak BSN, Pemegang Kad-i masih bertanggungjawab untuk jumlah yang dikenakan.
- 35.3 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan peruntukan di atas, BSN tidak akan untuk apa-apa sebab bertanggungan untuk kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Kad-i di bawah apa-apa jua keadaan sama ada keadaan tersebut berhubung atau berpunca daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakterimaan Kad-i atas apa-apa sebab oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan, orang perseorangan atau badan atau ketidakterimaan oleh mana-mana bank atau Bank-bank Ahli untuk Pendahuluan Tunai, Kad-i ditolak oleh mana-mana ATM, tidak diperbaharui, halangan atau pembatalan Had Kemudahan atau kemudahan, penyenaraian nombor Kad-i berkenaan dalam senarai pembatalan atau di bawah apa-apa keadaan di mana BSN wajib untuk bertindak dengan munasabah untuk melindungi haknya di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

36. PINDAAN

- 36.1 BSN berhak untuk menambah, memadam, mengubah atau meminda mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender (melainkan dinyatakan sebaliknya) kepada Pemegang Kad-i dari tarikh berkuatkuasanya penambahan, pemadaman, perubahan atau pindaan tersebut. Notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan boleh dilaksanakan melalui mana-mana salah satu cara komunikasi berikut:-
- (a) melalui penghantaran notis tersebut kepada Pemegang Kad-i secara kurier atau serahan tangan;
 - (b) melalui penampalan notis dalam premis BSN atau cawangannya yang memaklumkan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - (c) melalui penerbitan tunggal di dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - (d) memasukkan lampiran ke dalam Penyata Akaun akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - (e) melalui penghantaran notis berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan kepada Pemegang Kad-i melalui pos biasa atau berdaftar;
 - (f) melalui penghantaran notis akan pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan secara SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad-i atau mempamerkan notis akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan pada sesawang BSN.
- 36.2 Komunikasi kepada Pemegang Kad-i melalui salah satu cara komunikasi di atas adalah dianggap telah diterima oleh atau disampaikan kepada Pemegang Kad-i berdasarkan kepada peruntukan Fasal 19.3 dan pada hari penghantaran di mana notis pindaan dihantar kepada Pemegang Kad-i melalui kurier atau serahan tangan pada hari penerimaan. Perubahan tersebut akan terpakai pada tarikh kuatkuasa yang ditentukan oleh BSN dan akan terpakai kepada semua Baki Tertunggak dalam Akaun Kad-i. Pengekalan atau penggunaan Kad-i selepas tarikh kuatkuasanya apa-apa perubahan terma-terma dan syarat-syarat akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya perubahan tersebut tanpa ragu oleh Pemegang Kad-i.
- 36.3 Perjanjian ini (dengan kesemua perjanjian sampingan yang dipinda oleh BSN dari semasa ke semasa) mengandungi, dan dianggap sebagai Penyata lengkap bagi kesemua terma dan penyusunan di antara pihak-pihak berkenaan perkara yang berbangkit di sini, dan melangkaui apa-apa perjanjian dan persefahaman terdahulu di antara pihak-pihak berkenaan apa-apa perkara tersebut.

37. KEBOLEHASINGAN

- 37.1 Jika mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuaskan dalam apa jua keadaan di bawah mana-mana undang-undang, maka keesahan, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara sekalipun.

38. PENZAHIRAN MAKLUMAT DAN DATA PERIBADI

- 38.1 Pemegang Kad-i dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Organisasi dan/atau Pemegang Kad-i dengan ini menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausu ini mempunyai maksud yang sama seperti mana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").
- 38.2 Pemegang Kad-i dengan ini secara nyata memberi persetujuan dan membenarkan BSN mengikut cara dan bilamasa difikirkan sesuai dan perlu untuk melakukan perkara-perkara yang dinyatakan berikut tanpa merujuk kepada Pemegang Kad-i:-

- (a) untuk menzahirkan hal ehwal atau Akaun Kad-i berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Pemegang Kad-i termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel atau membuat rekod tentang butir-butir peribadi Pemegang Kad-i yang dikemukakan kepada BSN dan apa-apa maklumat lain berhubung dengan Akaun Kad-i dan Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i dan nombor-nombor Kad-i yang baru diperbaharui atau digantikan dan apa-apa maklumat lain berhubung dengan penggunaan Kad-i atau apa-apa transaksi yang dilakukan atau akan dilakukan melalui penggunaan Kad-i dan apa-apa maklumat lain atau dokumen apa jua berhubung dengan urusan atau akaun Pemegang Kad-i (termasuk Penyata akaun berhubung dengannya) dan apa-apa kemudahan kredit lain yang dimiliki oleh Pemegang Kad-i dengan BSN atau maklumat lain yang difikirkan sesuai oleh BSN kepada:-
- (i) sesiapa yang telah menjamin atau mungkin menjamin atau sebaliknya telah memberi sekuriti atau mungkin memberi sekuriti berhubung dengan penggunaan Kad-i;
 - (ii) mana-mana syarikat, organisasi, institusi, persatuan, biro kredit, agensi kredit, institusi kewangan atau entiti lain yang mungkin menjalankan pemeriksaan kredit atas Pemegang Kad-i, Unit Pusat Kredit Bank Negara Malaysia, Biro Maklumat Cek, Sistem Pusat Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) atau autoriti atau badan berkenaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana badan lain atau autoriti (kerajaan atau sebaliknya) yang difikirkan sesuai oleh BSN di bawah apa-apa undang-undang berkenaan, peraturan, garis panduan, peruntukan pihak berkuasa atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya);
 - (iii) sesiapa yang difikirkan perlu oleh BSN untuk tujuan menuntut balik apa-apa wang yang perlu dibayar dan masih ter hutang oleh Pemegang Kad-i kepada BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pemungut hutang, pekerja-pekerja dan ejen-ejennya);
 - (iv) mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan, mana-mana pegawai BSN dan mana-mana Bank-bank Ahli dan/atau mana-mana pihak atau entiti yang mempunyai kepentingan yang sah terhadap Pemegang Kad-i berkaitan dengan penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i; atau
- (b) untuk membuat laporan (termasuk laporan polis) dan/atau surat pekeliling dan/atau memasukkan iklan atau menerbitkan atau mempamerkan notis (termasuk mana-mana iklan dalam media) yang menggabungkan mana-mana atau semua butir peribadi Pemegang Kad-i, butir-butir akaun yang berhubung dengan Kad-i (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun-akaun Pemegang Kad-i dan status kewangan) yang BSN fikirkan perlu bagi tujuan mendapatkan kembali wang yang perlu dibayar dan ter hutang oleh Pemegang Kad-i kepada BSN.
- (c) untuk menyemak kedudukan kredit pemohon Kad-i dan/atau butir-butir peribadi Pemegang Kad-i, urusan-urusan dan kedudukan kredit dengan mana-mana syarikat, individu, agensi, institusi kewangan atau badan lain dan untuk memperolehi daripada mereka maklumat yang mungkin diperlukan oleh BSN, sama ada secara komunikasi lisan atau melalui dokumen.
- (d) untuk mendedahkan kepada Pemegang Kad-i Utama dan/atau Tambahan maklumat seperti yang dirujuk di sub-perenggan (c) diatas dan apa-apa maklumat yang BSN anggap wajar berkenaan Akaun dan Akaun Lain Kepunyaan Pemegang Kad-i dan sebaliknya.
- 38.3 BSN dengan ini menafikan semua liabiliti kepada Pemegang Kad-i untuk apa-apa kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khusus atau bersebab) dalam sebarang bentuk atau keaiban yang ditanggung oleh Pemegang Kad-i akibat penzahiran apa-apa maklumat atau tafsiran atau penggunaan maklumat yang dizahirkan.

- 38.4 Pemegang Kad-i dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisyiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web BSN www.bsn.com.my. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.
- 38.5 Pemegang Kad-i dengan ini mengakui bahawa Pemegang Kad-i mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pemegang Kad-i boleh menjelaskan perkhidmatan yang diberikan oleh BSN kepada Pemegang Kad-i. Dalam keadaan itu, BSN mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad-i.

39. DOKUMEN TAMBAHAN

- 39.1 Pemegang Kad-i berakuanji untuk menandatangani dokumen-dokumen tambahan lain yang diminta oleh BSN dari semasa ke semasa dan Pemegang Kad-i dengan ini berjanji dan bersetuju bahawa atas pilihan BSN dokumen tersebut boleh dianggap berkuatkuasa secara retrospektif.

40. PENYAMPAIAN NOTIS

- 40.1 Pemegang Kad-i dengan ini bersetuju secara tidak boleh batal dengan penyampaian apa-apa notis di bawah Perjanjian ini atau apa-apa proses mahkamah atau penyampaian cek, draf bank, perintah juruwang atau Kad-i atau apa-apa dokumen atau butiran lain melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada alamat terakhir yang diketahui bagi Pemegang Kad-i di dalam rekod BSN dan penyampaian tersebut dianggap adalah berkuatkuasa tiga (3) hari kalender selepas pengeposan jika dihantar melalui pos biasa dan pada masa penyampaian, jika dihantar melalui serahan tangan atau melalui kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan melalui apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 40.2 Pemegang Kad-i mesti dengan segera memaklumkan kepada BSN secara bertulis berkenaan apa-apa perubahan dalam pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) atau jika Pemegang Kad-i berhasrat untuk berada di luar Malaysia lebih daripada tiga puluh (30) hari kalender dalam satu turutan.
- 40.3 Menurut Fasal 39.2 di atas, adalah penting untuk Pemegang Kad-i dengan segera memaklumkan kepada BSN apa-apa perubahan yang dinyatakan di dalam Fasal 39.2 bagi memastikan bahawa BSN mempunyai maklumat terkini Pemegang Kad-i yang dikemaskinikan.

41. SIJIL KEBERHUTANGAN

- 41.1 Perakuan yang dikeluarkan oleh seorang pegawai BSN tentang amaun yang pada masa itu perlu dibayar dan terhutang kepada BSN oleh Pemegang Kad-i adalah bukti konklusif terhadap Pemegang Kad-i dalam apa-apa prosiding undang-undang. Apa-apa penghakiman yang diperolehi oleh BSN terhadap Pemegang Kad-i berhubung dengan keberhutangan adalah mengikat dan muktamad di semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain.

42. PEMBATALAN / PENGGANTUNGAN KERANA KEGANASAN

- 42.1 Sebagai tambahan dan tanpa memprejudiskan hak-hak dan remedи-remedи BSN yang lain atau peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini secara umumnya, BSN berhak mengisyiharkan bahawa:-
 - (a) Kad-i akan digantung dan Kad-i tersebut seterusnya akan digantung oleh BSN dan/atau

- (b) Kad-i atau mana-mana bahagiannya akan dibatalkan, sejurusnya Kad-I akan dibatalkan; dan/atau
- (c) semua atau mana-mana jumlah prinsipal, yuran pengurusan dan lain-lain amaun apa jua yang terhutang di bawah Kad-i (sama ada semasa, masa depan, sebenar atau kontingen) yang terhutang dan perlu dibayar, sejurusnya amaun-amaun tersebut perlu dibayar, jika apa-apa peristiwa atau siri peristiwa sama ada berkaitan atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa tindakan ganas, keganasan, perrusuhan atau perperangan, darurat negara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau lain-lain bencana (sama ada berlaku di dalam atau di luar Malaysia atau mana-mana tempat di mana BSN menjalankan perniagaan) atau apa-apa perubahan keadaan yang berlaku di mana pada pendapat pihak BSN (pendapat tersebut adalah dan mengikat Pemegang Kad-i):
 - (i) boleh atau mungkin mengakibatkan keadaan menjadi tidak sesuai atau tidak praktikal untuk pihak BSN membuat, membenarkan atau membiayai kemudahan Kad-i atau terus berbuat demikian atau membenarkan apa-apa penggunaan atau penggunaan lanjut kemudahan Kad-i atau mematuhi apa-apa obligasi di bawah terma-terma dan syarat-syarat di sini;
 - (ii) boleh atau mungkin menjelaskan kebolehan atau kerelaan Pemegang Kad-i untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana obligasinya di bawah terma-terma dan syarat-syarat di sini atau menjadikannya sukar untuk Pemegang Kad-i mematuhi atau rela untuk berbuat demikian.

43. AKAUN DIGANTUNG

43.1 Bagi maksud untuk membolehkan BSN memelihara keutuhan, liabiliti mana-mana pihak, termasuk Pemegang Kad-i sebaik sahaja writ saman atau saman dikeluarkan atau untuk membuktikan kebankrapan atau ketaksolvenan Pemegang Kad-i atau bagi sebab-sebab lain yang difikirkan sesuai oleh BSN, BSN boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menempatkan dan/atau menyimpan bagi tempoh yang difikirkan wajar oleh BSN apa-apa wang yang diterima, dituntut balik atau diperolehi menurut Perjanjian ini atau di bawah mana-mana sandaran atau jaminan yang dikreditkan bagi Pemegang Kad-i seperti yang difikirkan sesuai oleh BSN tanpa apa-apa obligasi perantaraan bagi pihak BSN untuk menggunakan pakai perkara tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada BSN.

44. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

44.1 Untuk sebarang keperluan kaunseling kewangan, Pemegang Kad-i adalah digalakkan untuk berjumpa dengan AKPK yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. AKPK boleh dihubungi di 03-26167766 atau layari laman web di www.akpk.org.my untuk maklumat lanjut mengenai kaunseling kewangan.

45. PELANTIKAN EJEN-EJEN

45.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan hak BSN di bawah Perjanjian ini, BSN mempunyai hak dan apabila dianggap perlu untuk melantik dan memberi kuasa kepada ejen pilihannya bagi pihaknya untuk mengutip semua dan mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada BSN oleh Pemegang Kad-i di bawah Perjanjian ini. Pelantikan dan pemberian kuasa tersebut mesti dimaklumkan kepada Pemegang Kad-i sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu jika pengutipan jumlah yang perlu dibayar untuk Akaun ini diserahkan oleh pihak ketiga agensi kutipan hutang.

- 45.2 BSN hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Kad-i kesan ke atas hak-hak dan obligasi Pemegang Kad-i selepas Akaun Kad-i dipindahkan kepada pihak ketiga agensi kutipan hutang atau dijual kepada pihak ketiga.
- 45.3 Dalam keadaan tertentu di mana Pemegang Kad-i tidak dapat dihubungi, BSN dianggap telah memenuhi kewajipan itu jika notis itu telah dihantar ke alamat Pemegang Kad-i yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu.
- 45.4 Perlu diingatkan bahawa BSN hendaklah memberi nama dan butiran pihak ketiga agensi kutipan hutang yang dilantik atau pihak ketiga kepada Pemegang Kad-i yang mana BSN telah serahkan tanggungjawab kutipan semua dan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada BSN daripada Pemegang Kad-i.

46. PENGGANTI

- 46.1 Perjanjian ini mengikat waris-waris, wakil-wakil diri dan pengganti hak milik Pemegang Kad-i serta pengganti dan penerima serah hak BSN. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, berkenaan ini, BSN hanya berhak meneruskan tindakan terhadap estet Pemegang Kad-i bagi pemulihan Hutang Pemegang Kad-i.

47. PENYUSUNAN SEMULA BSN

- 47.1 Obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti Pemegang Kad-i akan terus sah dan mengikat untuk apa jua tujuan walaupun apa-apa perubahan melalui penyatuan, penyusunan semula atau selainnya yang mungkin dibuat kepada susun atur BSN atau kepada mana-mana syarikat yang mana pada masa itu mungkin menjalankan perniagaan BSN dan sedia ada untuk syarikat yang menjalankan perniagaan tersebut pada masa itu.

48. MASA MERUPAKAN INTIPATI

- 48.1 Masa di mana jua disebutkan merupakan intipati di dalam Perjanjian ini.

49. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA

- 49.1 Perjanjian ini akan dianggap sebagai kontrak di bawah undang-undang Malaysia dan akan untuk semua tujuan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak di dalam Perjanjian ini bersetuju untuk menyerah kepada bidangkuasa khusus Mahkamah Malaysia atau mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten yang lain seperti yang dipilih oleh pihak BSN dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian apa-apa proses perundangan boleh dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini. Pemegang Kad-i mengetepikan sebarang bantahan atas alasan tempat atau forum yang tidak sesuai.
- 49.2 Perjanjian ini bertujuan untuk menjadikan Pematuhan Syariah secara keseluruhannya. Pemegang Kad-i dan BSN bersetuju bahawa hak dan obligasi kedua-dua pihak adalah sentiasa tertakluk kepada dan selaras dengan prinsip dan peraturan Syariah (seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Jawatan kuasa Syariah BSN). Pemegang Kad-i dengan ini juga bersetuju bahawa Kad-i tersebut tidak boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak mematuhi transaksi yang berlandaskan Syariah. Walau bagaimanapun, jika Kad-i digunakan untuk urusniaga yang tidak termasuk dibawah kategori bukan Rakan Niaga Yang Dibenarkan, BSN dibenarkan untuk menunaikan urusniaga tersebut berdasarkan konsep Syariah ‘Umum Balwa’ (keadaan yang meluas dan menjelaskan kebanyakkan orang dan sukar dielakkan).
- 49.3 Sekiranya Kad-i digunakan oleh Pemegang Kad-i untuk membeli atau menggunakan barang dan perkidmatan yang tidak halal, adalah tanggungjawab Pemegang Kad-i itu sendiri dan pihak BSN tidak akan dipertanggungjawabkan. BSN juga berhak untuk menamatkan Kad-i dengan serta-merta tanpa sebarang notis atau liabiliti kepada Pemegang Kad-i sekiranya Kad-i itu didapati digunakan untuk urusniaga yang tidak berlandaskan Syariah.

50. PENGECUALIAN TANGGUNGAN

- 50.1 Pihak BSN tidak bertanggungan kepada Pemegang Kad-i untuk apa-apa kerugian (termasuk kerugian faedah, perbelanjaan yang ditanggung, kehilangan kontrak atau keuntungan atau apa-apa kerugian yang berkaitan, samada secara terus atau tidak) yang ditanggung dalam apa jua keadaan (kecuali ia timbul dari dan disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkaran sengaja secara langsung oleh pihak BSN) berkaitan dengan penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada gantirugi atau kerugian yang ditanggung berkaitan apa-apa penyata, representasi, atau implikasi berkenaan atau timbul daripada apa-apa ketidakpembaharuan atau pembatalan Kad-i atau apa-apa pembatalan, atau penggantungan atau sekatan bagi penggunaan Kad-i oleh Pemegang Kad-i.

51. AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002 (AIKP)

- 51.1 Pemegang Kad-i mengesahkan bahawa tiada di kalangan ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau anak-anak adalah kakitangan BSN dan beliau tidak melanggar Seksyen 28 AIKP. Pemegang Kad-i berakujanji untuk segera memaklumkan kepada BSN jika perhubungan itu wujud dan bersetuju bahawa sekiranya perhubungan itu diwujudkan atau dizahirkan, BSN mempunyai hak untuk membatalkan Kad-i dan/atau Kad-i Tambahan (jika ada).

52. PERJANJIAN MENGGANTIKAN

- 52.1 Semua perjanjian atau persetujuan terdahulu, jika ada, yang dibuat di antara BSN dan Pemegang Kad-i, sama ada secara bertulis atau lisan, adalah dengan ini dibatalkan dan digantikan dengan Perjanjian ini.

53. PENERBITAN PERJANJIANINI PADA LAMAN SESAWANG BSN

- 53.1 Salinan Perjanjian ini yang diterbitkan pada laman sesawang BSN (atau laman sesawang lain di mana BSN boleh menukar其nya dari semasa ke semasa dengan memberi notis yang mencukupi kepada Pemegang Kad-i). Sekiranya BSN menukar atau mengubah mana-mana terma di dalam Perjanjian ini, versi yang dipinda dan dikemaskini akan dipaparkan di laman sesawang BSN tersebut.

54. KLAUSA PRIVASI

- 54.1 Pemegang Kad-i dengan ini mengesahkan bahawa Pemegang Kad-i telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi BSN (yang boleh didapati Laman Sesawang BSN) dan fasal-fasal di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemegang Kad-i. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad-i bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Perjanjian ini secara rujukan.
- 54.2 Sekiranya Pemegang Kad-i memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dan tanggungan (di mana Pemegang Kad-I adalah seorang individu) atau maklumat berhubung dengan pengarah, pemegang saham, penjamin individu dan pemberi jaminan (di mana Pemegang Kad-i adalah sebuah perbadanan), untuk tujuan membuka atau mengendalikan Akaun / kemudahan Pemegang Kad-i dengan BSN atau sebaliknya melanggan Produk dan Perkhidmatan BSN, Pemegang Kad-i:-
- (a) mengesahkan bahawa Pemegang Kad-i telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada BSN dan untuk BSN menggunakan mengikut perjanjian ini;
 - (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga

- tersebut adalah tepat;
- (c) bersetuju untuk memaklumkan kepada BSN secara bertulis sekiranya ada apa-apa perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - (d) bersetuju akan hak BSN untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya persetujuan dari mana-mana pihak ketiga tersebut ditarik balik.
- 54.3 Di mana Pemegang Kad-i mengarahkan BSN untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan tersebut (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tanggungjawab mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan BSN dan/atau ejen-ejen BSN untuk memasuki apa-apa transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad-i, Pemegang Kad-i bersetuju terhadap penzahiran tersebut di atas bagi pihak diri sendiri dan orang lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.
- 54.4 BSN boleh menggunakan agensi pelaporan/rujukan kredit untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila BSN perlu:-
- (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kredit, berkaitan dengan kredit atau permohonan kemudahan lain;
 - (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio-portfolio Pemegang Kad-i; dan/atau
 - (c) mendapatkan semula hutang.
- 54.5 Pemegang Kad-i akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pemegang Kad-i gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. BSN juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad-i dan bagaimana Pemegang Kad-i menguruskan akaunnya atau/ fasiliti dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan.
- 54.6 Selepas Pemegang Kad-i memberi maklumat Pemegang Kad-i kepada BSN, Pemegang Kad-i masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, BSN mempunyai hak untuk tidak memberi atau memberhentikan penyediaan mana-mana Produk, Perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berhubung dengan maklumat tersebut.
- 54.7 BSN berhak untuk meminda fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara BSN dan akan memberi notis kepada Pemegang Kad-i menurut perjanjian ini..
- 54.8 Fasal ini adalah tanpa prejudis kepada fasal-fasal lain di dalam Perjanjian ini yang berkaitan dengan penzahiran maklumat.

55. CUKAI

- 55.1 Semua yuran dan/atau caj yang dikenakan ke atas Kad Kredit-i BSN adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

Semua maklumat di dalam Terma dan Syarat ini adalah sah bermula Mei 2024.
(v1.0 04/2024)